

20/03/1999

Penyebar fitnah cemari kemakmuran

FITNAH yang disebarkan menerusi pita rakaman memburukkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sehingga sanggup mencadangkan beliau dibunuh, amat mengejutkan. Sebelum ini pelbagai tohmahan dilemparkan kepada Perdana Menteri termasuk memutar-belitkan ucapan beliau kepada rakyat. Ia juga bukan sekadar tuduhan melulu yang berdasarkan syak wasangka, tetapi tohmahan yang dibuat dengan niat untuk merosakkan keperibadian dan maruah beliau sebagai pemimpin yang disegani.

Di sebalik usaha jahat itu, rakyat tidak pernah terfikir kini sampai ketikanya Malaysia yang selama ini mengamalkan demokrasi dalam memilih kerajaan, harus pula menghadapi pertumpahan darah, rampasan kuasa malah membunuh pemimpin sedia ada hanya untuk memberi peluang kepada parti politik lain memerintah.

Sukar bagi kita yang cintakan keamanan dan menyanjung tinggi sumbangan Dr Mahathir dan kerajaan sehingga berjaya menaikkan martabat negara, menerima fitnah yang sangat menyedihkan itu - perlunya nyawa diceraikan dari badan.

Barangkali, tidak sukar untuk kita meneka mengapa fitnah ini dibuat. Kita percaya ia sengaja disebarkan oleh golongan yang semakin kecewa kerana tidak mendapat sokongan rakyat.

Disebabkan tidak mendapat sokongan, tindakan terakhir ialah memburukkan kepemimpinan sedia ada. Bersungguh-sungguh memastikan fitnah mereka itu terus mengelirukan lagi rakyat, pendedahan Dr Mahathir kelmarin diputarbelitkan lagi oleh mereka. Dengan bantuan media asing, golongan ini mendakwa pendedahan Perdana Menteri kelmarin sebagai satu lagi cara bijak beliau berpolitik untuk meraih simpati rakyat.

Mereka mendakwa Dr Mahathir sengaja berbuat demikian kerana kerajaan yang dipimpinya hampir 18 tahun itu kini menghadapi krisis kepemimpinan. Dakwa mereka lagi, dengan mengkaitkan fitnah itu dengan soal keselamatan dalam negara, membolehkan Dr Mahathir mudah menangani tekanan rakyat yang dikatakan mahu reformasi politik berlaku di negara ini.

Begitulah liciknya golongan penyebar fitnah ini. Satu demi satu tohmahan diadakan untuk menutup kelemahan fitnah sebelumnya. Selain Internet, pita dan risalah, media asing kini dijadikan dalang utama untuk memastikan niat itu tercapai. Sementara media tempatan pula difitnahkan cuba melindungi keburukan pemimpin tanpa mahu memberi ruang kepada kebebasan mereka bersuara.

Kebebasan bersuara ialah suatu keistimewaan yang mesti dimanfaatkan untuk membangunkan keadilan dan kemakmuran Malaysia. Keistimewaan yang menjadi hak setiap warga negara ini jika digunakan secara bijaksana dan berhemah akan memantapkan lagi perpaduan dan kesejahteraan rakyat. Dari sudut yang lain, kebebasan bersuara ialah amanah yang dipertanggungjawabkan kepada setiap kita demi keselamatan dan kelangsungan generasi.

Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno Rabu lalu memutuskan fitnah seperti ini sudah sampai ke peringkat yang boleh mengancam keselamatan negara. Ia tidak boleh lagi dipandang ringan. Membiarkannya bermakna pemimpin Umno khususnya dan Barisan Nasional (BN) amnya, seolah-olah membiarkan masa depan, nasib dan keselamatan rakyat diperjudikan.

Kita percaya sebagai negara yang masih ada kebebasan untuk bersuara, Umno masih boleh bertolak-ansur dengan kecaman dan pandangan oleh sesetengah pihak untuk memberi pilihan rakyat berfikir dan mengukur

sendiri kewibawaan kerajaan yang sedia ada selama ini.

Bagaimanapun, membuat fitnah sehingga menganjurkan umat Islam berbunuhan sesama sendiri dan membunuh pemimpin, adalah tindakan yang sangat keterlaluan. Selaras dengan ajaran Islam yang mengharamkan sama sekali umatnya berbunuhan dan bertumpah darah, pastinya Umno selaku parti yang memperjuang hak orang Melayu dan melindungi ajaran suci itu, mesti menangani segera isu ini secara serius.

Jika tidak, fitnah, penyelewengan dan perilaku tidak bermaruah yang dilemparkan kepada pemimpin kerajaan ini akan menyemarakkan lagi sikap benci-membenci, syak wasangka dan persengketaan terutama di antara penyokong parti politik. Jika keadaan ini berlaku, suasana dalam negara tidak stabil dan ini memberi ruang kepada golongan yang selama ini memang berhajat untuk campur tangan.

Atas sebab ini juga kuasa luar sentiasa menyerang Dr Mahathir dan cuba memperdayakan rakyat kononnya Malaysia mesti pisahkan beliau dan Umno untuk ambil alih kuasa.

(END)